

Agihan pendapatan berjumlah RM311.2 juta untuk ASB Didik dan ASN Equity 2

SHAH ALAM - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada Selasa mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit bagi Amanah Saham Bumiputera 3 (ASB 3 Didik) dan 1.76 sen seunit untuk Amanah Saham Nasional Equity 2 (ASN Equity 2) bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2021.

ASNB dalam satu kenyataan memaklumkan, jumlah pembayaran pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, ASB 3 Didik dan dana harga berubah, ASN Equity 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021 berjumlah RM311.2 juta.

Menurut kenyataan itu, pengagihan pendapatan ASB Didik 3 melibatkan pembayaran berjumlah RM288.4 juta yang memanfaatkan 302,672 pemegang unit, dan lebih tinggi berbanding RM275.4 juta yang diagihkan pada tahun kewangan 2020.

“ASB 3 Didik telah mencatatkan pendapatan direalisasikan bersih sebanyak RM295.7 juta, yang menunjukkan peningkatan 17.6 peratus berbanding tahun lalu.

“Pengagihan pendapatan untuk ASB 3 Didik adalah 240 mata asas mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan



ASNB mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit bagi ASB 3 Didik dan 1.76 sen seunit untuk ASN Equity 2.

Maybank dalam tempoh sama iaitu 1.85 peratus.

“Pengagihan 4.25 peratus oleh ASB 3 Didik juga adalah lebih tinggi daripada pulangan harga Indeks Komposit KL FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) sebanyak 3.65 peratus dalam tempoh yang sama,” jelas kenyataan itu.

Sementara itu, ASNB pula mengumumkan agihan pendapatan ASN Equity 2 sebanyak 1.76 sen seunit kepada 34,567

pemegang unit, dengan dividen berjumlah RM22.8 juta atau bersamaan dengan hasil dividen sebanyak 3.45 peratus berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) dana pada 25 Jun 2021.

“ASN Equity 2 mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 6.09 peratus untuk tahun kewangannya berdasarkan dana pada 25 Jun 2021. Ini mengatasi penanda aras berwajarnya sebanyak 0.75 peratus, yang diwakili oleh 80 peratus

Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia (FBM 100) dan 20 peratus Deposit Tetap 12-Bulan Maybank,” kata kenyataan itu.

Menurut ASNB, prestasi kedua-dua dana ASB 3 Didik dan ASN Equity 2 didorong oleh pemulihan pasaran kewangan global dan domestik walaupun dalam keadaan pandemik Covid-19.

“Dana-dana ini juga mendapat manfaat daripada inisiatif kepelbagaian portfolio masing-masing yang terus memberikan hasil positif dengan peruntukan untuk pelaburan antarabangsa meningkat kepada 20 peratus,” jelas ASNB.

Menurut ASNB, pada masa yang sama, PNB terus meneroka peluang-peluang pelaburan baharu untuk membangunkan portfolio pelaburan yang berdaya tahan dan lestari dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan manakala pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 2 pula berdasarkan baki unit dipegang pada 30 Jun 2021.

Pengagihan yang diisytiharkan oleh dana-dana ini akan dilabur semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2021.